

Dinamika Budaya Politik Melayu dalam Pilihan Raya Tahun 1999-2018: Terhentinya Dominasi BN di Terengganu

The Dynamics of the Malay Political Culture in the Election of 1999-2018: The Demise of BN Dominance in Terengganu

Ilyas Abdullah¹, Nurul Saadatun Nadiyah Mohd Ngah²

¹Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

²Centre of Foundation and Language Studies (MPU), Manipal International University, Nilai, Malaysia

Progres Artikel

Diterima: 1 Jun 2018

Disemak: 1 Jun 2018

Diterbit: 7 September 2018

*Corresponding Author:

Ilyas Abdullah

Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

Email:

ilyasabdullah084@gmail.com

Abstrak: Sambutan masyarakat Melayu Terengganu terhadap parti politik bukan dominan selain BN dan PAS adalah kurang menggalakkan. Hal ini dapat dilihat berdasarkan keputusan pilihan raya yang diadakan di Terengganu. Meskipun parti-parti lain seperti Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut terlibat dan memenangi beberapa kerusi dalam pilihan raya di Terengganu, namun sokongan yang diberikan ke atas parti tersebut tidak konsisten sepertimana sokongan yang diberikan kepada parti BN dan PAS. Hal ini kerana masyarakat Melayu di Terengganu tidak terikat dengan mana-mana parti politik dalam menentukan masa depan mereka selain tidak terikat dengan sebarang parti politik atau individu yang dikatakan berpengaruh. Budaya politik tersebut memainkan peranan yang penting terhadap dinamika budaya politik Melayu di Terengganu dari tahun 1999 sehingga tahun 2018.

Kata kunci: Budaya Politik, Budaya Politik Melayu

Abstract: Terengganu Malay community's response on the non-dominant political party other than UMNO and PAS are less encouraging. This can be seen based on the results of elections held in Terengganu. Even though other parties like Parti Keadilan Rakyat (PKR) also participated and won several seats in elections in Terengganu, the support on the party is still inconsistent compared to UMNO and PAS. This is because the Malay community in Terengganu is not bound by any influential political party in determining their future. This type of political culture plays an important role towards the dynamics of Malay political culture in Terengganu from 1999 until the year 2018.

Keywords: Political Culture & Malay Political Culture

Pengenalan

Budaya politik masyarakat Melayu Terengganu dilihat mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Melayu Kelantan (Zulkifli, 1994). Masyarakat Melayu dikedua-dua negeri tersebut mempunyai keunikan politik tersendiri. Terengganu dan Kelantan merupakan negeri yang kerap mengalami perubahan politik berbanding dengan negeri-negeri Melayu yang lain. Masyarakat Melayu dikedua-dua negeri tersebut tidak terikat dengan mana-mana parti politik dalam menentukan masa depan mereka. Menariknya, perubahan politik di Terengganu dan Kelantan hanya melibatkan UMNO dan PAS. Di

Terengganu, PAS pernah menguasai politik dan pentadbiran di negeri berkenaan pada tahun 1959 dan tahun 1999, manakala di Kelantan, pengaruh PAS dilihat lebih kuat dan kukuh apabila berjaya mengekalkan kuasa politiknya dari tahun 1959 sehingga tahun 1978 dan tahun 1990 sehingga kini. UMNO-BN juga pernah menguasai politik Kelantan selama 12 tahun iaitu pada tahun 1978 sehingga tahun 1990 (Zulkifli Sulong, 1994 & Mohd Mahadee & Ab. Bassit Husain, 2008).

Pegangan nilai keagamaan yang tinggi, budaya ketimuran dan semangat kemelayuan menjadi asas pembentukan budaya politik di negeri berkenaan. Faktor tersebut banyak didorong oleh sejarah kerana Terengganu dan Kelantan tidak pernah dijajah secara

total. Pada zaman penjajahan British, kedua-dua negeri tersebut hanya menerima penasihat British. Hal yang demikian menjadikan politik Melayu lebih bebas dibandingkan dengan negeri-negeri yang dijajah sepenuhnya oleh British. Percaturan politik di kedua-dua negeri tersebut direncanakan berdasarkan rentak yang bersesuaian dengan haluan hidup mereka dan tidak terikat dengan sebarang parti politik atau individu yang dikatakan berpengaruh. Menariknya persaingan politik di Terengganu dan Kelantan melibatkan Melayu lawan Melayu. Selain faktor sejarah, pembentukan budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu dan Kelantan juga berkait rapat dengan struktur masyarakatnya yang homogen dan mempunyai tradisi beragama yang kuat (Mohd Mahadee & Ab. Bassit Husain, 2008). Selain itu masyarakat Melayu di Terengganu dan Kelantan juga dikatakan sebagai masyarakat yang paling minat berpolitik di Asia sepertimana pernyataan berikut:

“These two states of Malaysia (Kelantan and Terengganu) are possibly the most politicised places in Asia. Everyone I met talked in term of UMNO and PAS, development and Islam” (Tarmizi Mohd Jam, 1994).

Walaupun budaya politik masyarakat Melayu Terengganu mempunyai banyak persamaan dengan masyarakat Melayu di Kelantan, namun percaturan politik di Terengganu sama sekali tidak terkesan atau dipengaruhi oleh budaya politik dari mana-mana negeri termasuk Kelantan. Ini dapat dijelaskan apabila PAS hanya mampu bertahan memerintah Terengganu tidak lebih daripada satu penggal berbanding di Kelantan yang kekal bertahan dalam tempoh yang agak panjang.

Permasalahan Kajian


Sejak pilihan raya pertama selepas kemerdekaan diadakan iaitu pada tahun 1959 hanya UMNO-BN sahaja yang menjadi satu-satunya parti yang berjaya menguasai kerajaan pusat. Sebelum PRU tahun 1999, kemenangan UMNO-BN pada peringkat pusat dan dalam hampir semua negeri memang telah dijangka dan jangkaan itu sentiasa tepat. Dalam membuat pilihan, orang Melayu telah sekian lama memberikan sokongan politik yang dizahirkan dalam setiap pilihan raya kepada kelompok atau kumpulan parti politik yang sama iaitu UMNO dan BN. Walaupun Malaysia mengamalkan sistem demokrasi di mana setiap rakyat yang layak mengundi mempunyai hak untuk memilih secara bebas parti yang difikirkannya wajar di samping berpeluang untuk bereksperimen dengan membuat pilihan daripada pelbagai parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Namun pilihan berbeza daripada yang biasa itu tidak dizahirkan

sehingga berlakunya transformasi politik (Abdul Latiff, 2004). Orang Melayu mengambil masa yang begitu lama dengan terus-menerus memberikan sokongan kepada parti politik yang sama iaitu UMNO dan BN walaupun mereka mempunyai pilihan lain dalam sistem politik di Malaysia sejak pilihan raya diperkenalkan sebelum kemerdekaan lagi.

Walaupun Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut terlibat dalam persaingan politik di Terengganu bermula dari PRU tahun 1999 sehingga PRU ke-14, namun ianya tidak memberi kesan yang begitu besar terhadap sokongan orang Melayu kepada parti UMNO dan PAS. Sejarah pilihan raya di Terengganu turut memperlihatkan bahawa politik Terengganu tidak mempunyai parti serpihan yang agak berkesan seperti Barisan Jamaah Islamiah (BERJASA), Hizbul Muslimin (HAMIM) dan Parti Melayu Semangat 46 (S46). Selain itu percubaan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) untuk mempengaruhi pengundi Terengganu khususnya nelayan dalam pilihan raya tahun 1970-an juga telah terbukti gagal (Wan Abdul Rahman, 1986). Kesan dan hasil daripada pertarungan politik satu lawan satu dalam pilihan raya di Terengganu adalah satu fenomena menarik yang ditonjol di dalam kajian ini. Dinamika budaya politik masyarakat Melayu di Terengganu telah dimanifestasikan selepas peristiwa pemecatan Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Presiden UMNO iaitu Anwar Ibrahim pada 2 September 1998. Pemecatan tersebut telah melahirkan satu gelombang penentangan khususnya dalam kalangan orang Melayu yang menzahirkannya dalam tempoh yang panjang sehingga dan selepas PRU tahun 1999. PRU tahun 1999 telah menonjolkan satu anjakan sokongan orang Melayu daripada UMNO kepada parti-parti oposisi yang lain khususnya PAS. UMNO juga telah mengalami kemerosotan sokongan yang ketara dalam pilihan raya pasca tahun 1999 (Case, 2001) sehingga membawa kepada kekalahannya dalam PRU ke-14 bukan sahaja di Terengganu tetapi juga di peringkat persekutuan.

Justeru, kajian ini dilakukan berdasarkan kepada berlakunya pola ketidaktentuan pengundian yang ditunjukkan dalam lima siri pilihan raya yang terakhir di Terengganu iaitu tahun 1999, 2004, 2008, 2013 dan 2018 disebabkan berlakunya pertembungan yang sangat sengit di antara dua parti Melayu-Islam utama iaitu UMNO dan PAS. Berdasarkan keputusan pasca PRU ke-10, Terengganu bukan lagi menjadi negeri selamat buat mana-mana parti politik yang bertanding samada Barisan Nasional (BN) atau oposisi. Setiap parti dilihat mempunyai peluang yang seimbang untuk membentuk kerajaan di Terengganu. Selain BN, PAS juga telah berjaya membentuk kerajaan di Terengganu iaitu pada 1959, 1999 dan juga 2018.

Keputusan Pilihan Raya Umum di Terengganu Peringkat Dewan Undangan Negeri 1999-2018



Sumber: Diolah daripada keputusan pilihan raya Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Perbincangan

Budaya Politik Melayu Terengganu dalam PRU Tahun 1999

Meskipun Lembah Klang menjadi titik mula kepada transformasi politik negara, namun Terengganu turut tidak terkecuali daripada mendapat simbahannya daripada perubahan politik tersebut. Pertembungan di antara Mahathir dan Anwar memberikan impak yang kurang baik terhadap UMNO di peringkat pusat dan juga di Terengganu. Secara kebetulan kedudukan Wan Mokhtar selaku Menteri Besar Terengganu sudah pun melebihi 20 tahun. Justeru itu, PAS telah bekerjasama dengan parti oposisi lain seperti PKR untuk menentang UMNO-BN menerusi pertandingan satu lawan satu. Ceramah-ceramah anjuran parti oposisi khususnya PAS yang berkongsi pentas dengan aktivis reformasi mendapat sambutan yang begitu baik daripada rakyat.

Kesannya, UMNO akhirnya kehilangan Terengganu kepada PAS yang menang besar dengan memperolehi 28 kerusi DUN serta 7 kerusi parlimen manakala satu kerusi parlimen turut dimenangi oleh PKR di Kemaman. Keputusan tersebut merupakan antara pencapaian terburuk yang pernah dihadapi oleh UMNO-BN sepanjang sejarah penyertaan parti tersebut dalam pilihan raya di Terengganu (Hamdan Aziz, 2015). Atas kekalahan tersebut UMNO-BN bekerja keras untuk menawan kembali Terengganu dengan mengganggu pentadbiran kerajaan negeri seperti menubuhkan

Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) bagi mengetepikan pentadbiran di peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Syura Rakyat (JSR) yang ditubuhkan oleh kerajaan PAS Terengganu (Riduan Mohd Nor, 2015). Kekalahan UMNO-BN di Terengganu berkaitan dengan kepimpinan Wan Mokhtar yang dianggap pengundi sudah terlalu lama menyandang jawatan Menteri Besar. Hal tersebut menyebabkan majoriti pengundi di Terengganu bertindak untuk melakukan perubahan ke atas kepimpinan sedia ada. Kesannya calon PAS di Kuala Terengganu mendapat majoriti undi tertinggi. Calon PAS Kuala Terengganu iaitu Syed Azman mendapat undian sebanyak 31580 undi iaitu yang tertinggi dengan mengalahkan calon BN iaitu Abu Bakar Daud yang sekadar memperolehi 17132 undi (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999). Perkara seperti ini jarang berlaku di Terengganu kerana kebiasaannya kedua-dua parti Melayu ini akan mendapat undi yang hampir seimbang.

Kemenangan PAS membawa kepada hilangnya status quo UMNO-BN serta bertukarnya kerusi Menteri Besar kepada PAS. Berdasarkan manifesto pilihan raya, Kerajaan negeri Terengganu pimpinan PAS serta merta menghapuskan cukai pintu serta bayaran tol di Jambatan Sultan Mahmud. Memenangi negeri Terengganu merupakan peluang terbaik PAS untuk merakyatkan pendidikan Islam kepada rakyat Terengganu di samping terus memperkasakan institusi sedia ada yang dibina oleh PAS Terengganu di pelbagai peringkat organisasi parti tersebut. Kesungguhan kerajaan Terengganu di bawah PAS memartabatkan pendidikan Islam di kalangan rakyat terbukti menerusi penubuhan beberapa institusi pendidikan Islam seperti Kolej Islam Sains Terengganu (KIST), Kolej Sains dan Teknologi Al-Quran (KOSTAQ) dan Sekolah Rendah Agama Bersepadu (SRAB). KIST dan KOSTAQ berada di bawah pentadbiran Yayasan Terengganu yang merupakan sebuah yayasan kerajaan negeri yang bertanggungjawab memperkukuhkan pendidikan rakyat Terengganu. Pelajar yang mendapat keputusan cemerlang di dalam pelajaran namun tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP) atau Sekolah Premier akan ditempatkan di institusi tersebut. KIST diwujudkan untuk memanfaatkan kompleks pendidikan Yayasan Terengganu Kuala Berang yang dikosongkan manakala KOSTAQ pula ditempatkan di Maktab Rendah Sains Mara Yayasan Terengganu yang dihentikan operasinya oleh pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) di Besut dan Dungun. Manakala SRAB pula dikelolakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) yang ditubuhkan disemua daerah di Terengganu.

Selain memperkasakan sistem pendidikan Islam kerajaan PAS Terengganu terlebih dahulu menghapuskan tol di atas jambatan Sultan Mahmud. Isu

tol telah diperjuangkan oleh parti PAS dengan begitu lantang. PAS melihat UMNO-BN sebagai tidak menjiwai kesengsaraan rakyat bawahan menerusi kutipan tol. PAS telah melunaskan janjinya untuk menghapuskan tol sebaik sahaja mengambil alih pemerintahan di Terengganu. Kadar tol berjumlah RM 0.50 telah diberhentikan serta merta sehingga menyebabkan kerajaan PAS Terengganu kehilangan pendapatan sehingga RM4.5 juta setahun. Tindakan kerajaan negeri tersebut dilihat sebagai satu bentuk mengurangkan beban perbelanjaan rakyat meski kerajaan negeri terpaksa menanggung beban kewangan tersebut (Riduan Mohamad Nor, 2015). Dari segi psikologi, budaya politik pengundi Melayu Terengganu pada PRU ke-10 dilihat lebih fleksibel, terbuka dan telah berubah angin dan citarasa apabila pengundi di negeri tersebut menolak UMNO-BN hampir secara total meskipun negeri-negeri lain belum lagi bersedia untuk melakukan perubahan politik pada ketika itu.

Budaya Politik Melayu Terengganu dalam PRU Tahun 2004

Meskipun pelbagai pembaharuan pentadbiran dilakukan oleh kerajaan PAS Terengganu banyak bersangkutan dengan nilai-nilai keIslaman, namun dalam PRU ke-11 UMNO-BN telah berjaya merampas kembali Terengganu daripada PAS. Keputusan PRU tahun 2004 menjadikan politik baru seakan-akan berubah memihak kepada UMNO-BN. Di bawah pimpinan Abdullah Ahmad Badawi, UMNO-BN cuba menonjolkan politik baru sebagai praktik dan bukannya retorik. UMNO-BN cuba membawa perubahan politik menerusi modus operandinya dengan memerangi rasuah, pembatalan projek-projek mega, pertautan dengan masyarakat sivil serta pengukuhan institusi-institusi demokratik. Abdullah Ahmad Badawi dilihat sebagai simbol baru politik negara. Pengundi Melayu yang sebelum ini terpecah menyokong BA dalam PRU ke-10 kembali menyokong UMNO-BN dalam PRU ke-11.

Pada tahun 2004, Abdullah yang baru dilantik menjadi Perdana Menteri telah diberi mandat baru oleh pengundi dengan memenangi pilihan raya dengan majoriti yang sangat besar termasuk merampas semula Terengganu daripada PAS. Buat pertama kalinya, masyarakat Melayu melihat seorang pemimpin tertinggi negara memimpin solat berjemaah serta tarawih bersama para menteri. Semasa kempenya dalam PRU tahun 2004 di Terengganu, Abdullah dilihat enggan membalas serangan peribadi yang dilemparkan oleh Abdul Hadi Awang (Muhamad Takiyuddin, 2014). Hal ini memperlihatkan sikap yang tidak berlebihan sekaligus meyakinkan rakyat Terengganu mengenai keIslaman UMNO-BN sekaligus menghakis sokongan terhadap PAS. Masyarakat Melayu Terengganu turut melihat Abdullah Ahmad Badawi sebagai berbeza dengan

pemimpin-pemimpin yang lain kerana beliau lebih terdedah kepada faktor agama yang diwarisi daripada keluarga yang mempunyai pengaruh agama yang kuat. Perkara ini selari dengan budaya politik Melayu Terengganu yang banyak dipengaruhi oleh citra politik Islam. Dalam PRU ke-11 UMNO-BN telah berjaya mengendurkan tuntutan siviliti dengan melakukan *cultural re-orientation*. Langkah *cultural re-orientation* telah dilakukan oleh Abdullah Ahmad Badawi sebaik mengambil alih tampuk kepimpinan BN pada bulan Oktober 2003. Abdullah Ahmad Badawi cuba mengikis tanggapan bahawa UMNO sebagai sebuah parti yang sarat dengan budaya nepotisme dalam pentadbiran. Hal ini dapat dijelaskan dalam kenyataan beliau semasa berkempen di Tanah Merah Kelantan pada 19 Mac 2004 yang menyatakan bahawa beliau adalah orang suruhan rakyat nombor satu. Beliau menjelaskan bahawa:

“Saya memahami siapalah saya ini, kalau seorang sahaja tidak mungkin saya menjadi PM, kalau tidak ada sokongan daripada kawan dan pengundi di kawasan saya. Saya bukan orang kaya, bapa dan datuk saya hanya guru agama... saya mahu laksanakan pemerintahan dengan amanah. Amanah itu penting untuk saya... Inilah pegangan saya”.

Kenyataan bersifat *cultural re-orientation* ini adalah usaha memperkukuhkan kembali imej UMNO-BN di kalangan masyarakat yang semakin sadar dan tinggi tahap sivilisme mereka. Bagi membuktikan yang kepimpinan beliau benar-benar berpegang kepada prinsip amanah, Badan Pencegah Rasuah (kini SPRM) telah mengambil langkah yang positif apabila mendakwa Eric Chia dalam skandal rasuah dan pecah amanah PERWAJA yang dianggap sebilangan besar rakyat Malaysia sebagai isu besar negara yang tertangguh begitu lama. Bagi mengimbangi pengaruh pemikiran Islam PAS yang dilihat mempunyai kekuatan yang cukup utuh, Abdullah Ahmad Badawi telah memperkembangkan konsep Islam Hadhari (Bridget, W., & James, U.H.C., 2014). Selaras dengan beberapa langkah pemulihan yang bersifat *cultural re-orientation*, PRU tahun 2004 telah memberikan satu keputusan yang sama sekali bertentangan dengan keputusan PRU tahun 1999. Selepas tewas di Terengganu dalam PRU ke-10, UMNO-BN menggandakan pelbagai usaha dengan memberikan penekanan kepada aspek pembangunan. Tawaran pembangunan dan perubahan oleh UMNO itu disimpulkan dalam ucapan Abdullah Ahmad Badawi pada lawatan kempenya ke Terengganu pada 18 Mac 2004 dengan mengatakan bahawa:

“Kalau rakyat menyokong kita dan memberi sokongan yang kuat untuk menubuhkan kerajaan, insya-Allah, kita akan bawa perubahan yang tuantuan tidak pernah lihat berlaku di Terengganu”...insya-Allah selepas pilihan raya ini, kita akan berada dalam situasi lebih baik yang membawa kemakmuran, kestabilan, keamanan dan pembangunan lebih hebat lagi”.

Kenyataan tersebut ternyata berjaya memenangi pemikiran orang Melayu dengan janji-janji pembangunan luar biasa yang ingin dibawa ke Terengganu yang disulami dengan visi baru Islam menggantikan dasar PAS. Terengganu telah dijadikan lokasi peluncuran konsep Islam Hadhari. Dalam arena politik tempatan, Islam Hadhari bertujuan mencabar konsep Islam dibawa oleh PAS yang berulang kali mahu menegakkan negara Islam. Islam Hadhari dijadikan sumber bagi mewakili pandangan Islam dan juga menyediakan alternatif yang teruji kepada umat Islam dan juga bukan Islam. UMNO telah membentuk tempat rujukan Islam Hadhari dan hal ehwal kebajikan di peringkat negeri dengan moto “*Islam Hadhari Terengganu Bestari*” bagi menyaingi moto “*Membangun Bersama Islam*” yang digunakan oleh PAS sebelumnya. Pelaburan besar disalurkan ke negeri tersebut untuk memperkuatkan sokongan dan penguasaan UMNO-BN. Sebagai tambahan kepada itu, sebuah taman tema berkonsepkan Islam turut dibina di Kuala Terengganu yang dikenali sebagai Taman Tamadun Islam bertujuan untuk menunjukkan pencapaian ketamadunan Islam dengan membina pelbagai model masjid mini yang terdapat di seluruh dunia. Selain itu Tadika Islam al-Hadhari turut dibina bertujuan untuk mendidik kanak-kanak mengenai konsep Islam Hadhari (Welsh, B. & Chin, J., 2014). Ternyata janji-janji kerajaan untuk membawa pembangunan yang luar biasa ke Terengganu seperti yang dilaungkan oleh Abdullah Ahmad Badawi berjaya meraih sokongan yang begitu menakjubkan sehingga menterbalikkan keputusan PRU tahun 1999.

Budaya Politik Melayu Terengganu Dalam PRU Tahun 2008

Kemenangan UMNO-BN dalam PRU ke-11 bagaimanapun tidak bertahan lama apabila rakyat kembali menuntut hak-hak siviliti yang tidak mampu dilunaskan oleh pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi seperti kenaikan harga bahan bakar, kenaikan harga barangan dan juga penglibatan menantunya Khairil Jamaluddin dalam kepimpinan negara sehingga mencetuskan gelombang kedua politik baru pada PRU ke-12. Walau bagaimanapun politik Terengganu

dianggap sebagai terkeluar daripada tsunami politik yang melanda negara. Hal ini dapat dijelaskan apabila negeri-negeri lain khususnya negeri yang mempunyai majoriti orang Melayu mula mengalihkan sokongannya kepada PR. Namun hal yang sebaliknya berlaku di Terengganu apabila keputusan PRU tahun 2008 menyaksikan UMNO-BN terus kekal menerajui pentadbiran negeri Terengganu. Pengundi Melayu di Terengganu terus yakin memberikan sokongan kepada UMNO-BN lebih-lebih lagi apabila melihat Terengganu membangun dengan pesat dan dilimpahi dengan pelbagai projek besar yang berprestij sekaligus muncul sebagai negeri paling membangun di Pantai Timur berbanding Pahang dan Kelantan sejak UMNO-BN menguasai semula pemerintahan negeri Terengganu. Kerajaan Persekutuan juga bersetuju meluluskan semula royalti minyak berbillion ringgit kepada kerajaan negeri yang kadar kemiskinannya masih tinggi bagi merancang berbagai projek pembangunan untuk faedah rakyatnya. Kerajaan Persekutuan juga telah menyampaikan cek pertama bayaran royalti petroleum bernilai RM408.6 juta pada 12 Disember tahun 2008. Bayaran selebihnya disalurkan terus ke akaun bank kerajaan negeri.

Meskipun UMNO-BN berjaya mengekalkan kuasa di Terengganu dalam PRU tahun 2008 namun sokongan pengundi Melayu terhadap parti tersebut telah berubah. Jumlah kerusi yang dimenangi UMNO-BN semakin menurun daripada 28 kerusi DUN pada PRU tahun 2004 kepada 24 kerusi DUN pada PRU tahun 2008. Pentadbiran UMNO-BN turut menghadapi pelbagai krisis berhubung perantikan Menteri Besarnya dan juga hubungannya dengan pihak istana. Idris Jusoh yang memenangi DUN Jertih tidak dapat mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar di hadapan Sultan Terengganu kerana tidak mendapat perkenan daripada sultan. Idris Jusoh dikatakan tidak mendapat sokongan padu daripada ketua-ketua bahagian walaupun mendapat surat watakah perantikan daripada Perdana Menteri. Akhirnya Ahmad Said selaku ADUN Kijal telah dilantik menjadi Menteri Besar Terengganu. Peristiwa ini berhubung kait dengan protes daripada wakil-wakil rakyat yang digugurkan dalam PRU ke-12. Golongan yang tidak berpuas hati dengan Idris Jusoh sudah lama memendam rasa terhadap gaya kepimpinannya sebelum PRU ke-12. Antara isu yang tidak dipersetujui oleh rakyat ialah projek Taman Tamadun Islam, isu KUSZA yang diserahkan kepada kerajaan pusat untuk digabungkan dengan Universiti Darul Iman (UDM) serta isu Menteri Besar yang mementingkan kroni dan keluarga beliau dalam soal pembahagian projek-projek pembangunan. Selain itu isu royalti petroleum yang dikatakan ada beberapa peratus lagi tidak sampai kepada kerajaan Terengganu turut sampai ke pengetahuan pihak istana. Isu-isu tersebut dilihat sebagai satu bentuk

penderhakaan oleh Idris Jusoh kepada rakyat Terengganu (Ahmad Atory Hussain, 2009).

Selain itu, Welsh, B., & Chin, U.J., (2014) pula berpandangan bahawa imej Islam yang dibawa oleh Abdullah Ahmad Badawi dalam pentadbirannya mula menyusut melalui isu-isu seperti rasuah dan laporan kronisme antara Abdullah Ahmad Badawi dan menantunya Khairy Jamaluddin serta monopoli Patrick Lim dalam semua projek di Terengganu dengan menggunakan wang ehsan untuk mendapat sokongan telah menaikkan kemarahan pengundi di Terengganu. Selain itu, rakyat Terengganu yang telah lama menunggu siapnya Lebuhraya Pantai Timur (LPT 2) bagi menikmati keselesaan turut terlibat dengan pelbagai masalah. Projek ini menelan belanja sebanyak RM 3.7 billion bermula dari Jabor sehingga ke Kampung Gemuruh. Projek ini juga menghadapi beberapa kelewatan sehingga membawa kepada peningkatan kos pembinaannya. Kerajaan terpaksa menanggung kos dengan membelanjakan lebih RM 500 juta lagi bagi menyiapkan projek LPT 2 yang tertangguh. Kos pembinaan LPT 2 ini juga dikatakan menggunakan wang royalti petroleum rakyat Terengganu yang sepatutnya dibayar kembali oleh kerajaan persekutuan yang mana 50 peratus daripadanya dibiayai menggunakan wang royalti petroleum negeri Terengganu. Selain daripada projek pembinaan LPT 2, projek pembesaran dan menaik taraf Lapangan Terbang Sultan Mahmud (LTSM) serta projek bebas cukai di Tasik Kenyir yang bernilai lebih RM100 juta turut ditanggung oleh kerajaan negeri Terengganu (Syed Azman, 2013).

Selain itu, menurut Mohammad Redzuan, Amer Saifude & Zulkanain (2011) tindakan UMNO-BN yang sering menggunakan peruntukan pembangunan semasa PRU sudah tidak lagi memberi kesan kepada pengundi. Hal ini kerana, pengundi sudah mengetahui taktik tersebut yang sering digunakan oleh parti pemerintah setiap kali PRU diadakan. Pembangunan yang dibuat oleh UMNO-BN di Terengganu seperti pembinaan Masjid Kristal, dan penganjuran kejohanan perahu layar antarabangsa Piala Monsun sebenarnya tidak disukai oleh kebanyakan rakyat Terengganu. Projek tersebut dianggap sebagai suatu bentuk pembaziran kerana tidak memberikan impak positif kepada kehidupan seharian rakyat Terengganu. Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) tahun 2009 Parlimen Kuala Terengganu, PAS banyak menggunakan isu tempatan seperti isu wang royalti, pembinaan Taman Tamadun Islam dan penganjuran Piala Monsun. Ternyata isu tersebut lebih dekat dengan hati pengundi.

Budaya Politik Melayu Terengganu dalam PRU Tahun 2013

PRU ke-13 menyaksikan UMNO-BN mengalami kekalahan moral apabila parti oposisi terus

memberikan gugatan dengan terus menafikan majoriti dua pertiga sejak PRU ke-12. Bagaimanapun UMNO-BN masih kekal sebagai parti pemerintah apabila berjaya mengekalkan Perak dan Terengganu selain kembali menguasai Kedah. Meskipun UMNO-BN berjaya menguasai Perak, Terengganu dan Kedah, namun negeri tersebut dimenangi oleh UMNO-BN dengan majoriti yang sangat tipis iaitu masing-masing dengan tiga dan dua kerusi. Walau bagaimanapun, PR terus mempertahankan Selangor dan Pulau Pinang yang dianggap sebagai dua negeri penting dengan kelebihan majoriti dua pertiga (Muhammad Takiyuddin & Sity Daud, 2016). Selain itu, keputusan PRU ke-13 di Terengganu menyaksikan UMNO-BN sekali lagi hampir tewas di Terengganu setelah gagal mendapat majoriti dua pertiga di DUN. Dalam PRU ke-13 jentera PAS Terengganu lebih bergerak di peringkat tempatan berbanding usaha PAS Pusat untuk melebarkan kemenangannya secara berskala besar. Namun begitu, keputusan PRU ke-13 menunjukkan bahawa pengundi Melayu Terengganu masih bersama PR. Meskipun PAS Terengganu dilihat tidak begitu mesra kepada PR dan sering mengambil pendekatan yang menyimpang daripada strategi yang diambil oleh PAS di negeri lain di seluruh negara, namun hakikatnya hampir semua faktor yang menjurus kepada transformasi politik di seluruh negara turut terserlah dan wujud di Terengganu khususnya fenomena kebangkitan anak muda dan penguasaan media baru oleh masyarakat Melayu di Terengganu (Junaidi & Mazlan Ali, 2016).

Politik di Terengganu tidak lagi memperlihatkan penguasaan UMNO-BN secara total. Pada PRU ke-13, UMNO-BN sekali lagi hampir tewas apabila sekadar meraih 17 daripada 32 kerusi DUN yang dipertandingkan sekaligus hilang majoriti dua pertiga kerusi buat kali kedua dalam tempoh yang begitu singkat melibatkan empat PRU yang terakhir. Meskipun UMNO-BN masih kekal menerajui kerajaan dan pentadbiran di Terengganu, namun sokongan yang ditunjukkan oleh pengundi khususnya orang Melayu terhadap parti tersebut semakin longgar. Meskipun pembangunan ekonomi negeri Terengganu masih berada di tahap yang rendah, namun demokrasinya dilihat begitu subur. Menurut Ghazali Mayudin (2008), demokrasi di Malaysia dilihat selari dengan tahap pembangunan ekonominya. Proses pembandaran dan pemodenan akan mengubah jangkaan masyarakat. Proses pemodenan menuntut kepada peningkatan taraf hidup yang lebih baik. Namun begitu, sekiranya jangkaan tersebut tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan maka ianya boleh bertukar menjadi peningkatan kekecewaan. Hal ini dapat dijelaskan apabila pihak kerajaan seringkali memaparkan jasa serta kejayaan dalam membantu dan memajukan Terengganu seperti menyumbangkan atap baru kepada penduduk, subsidi kerajaan terhadap beberapa barangan keperluan harian,

pembinaan rumah PPRT dan pemberian komputer riba kepada murid sekolah rendah di seluruh Terengganu. Walau bagaimanapun disebalik jasa dan usaha tersebut, rakyat Terengganu tidak mendapat sebarang faedah daripada projek-projek yang lebih besar seperti Penganjuran Kejohan Perahu Layar Piala Monsun, Pembinaan Taman Tamadun Islam dan Masjid Kristal. Justeru itu, ketidakadilan dalam agihan pembangunan tersebut menyebabkan pengundi bertindak memberikan sokongan kepada parti oposisi khususnya PAS (Amer Saifude, *et.al* 2010).

Budaya Politik Melayu Terengganu dalam PRU Tahun 2018

Keputusan pilihan raya tahun 2018 menyaksikan BN menerima tamparan yang paling hebat bukan sahaja di peringkat negeri malahan juga di peringkat persekutuan. Setelah mengalami penyusutan kerusi DUN sejak PRU tahun 1999 di Terengganu (kecuali PRU tahun 2004), BN akhirnya tersungkur dalam PRU ke-14 apabila hanya berjaya memenangi 10 kerusi DUN sahaja berbanding PAS yang berjaya meningkatkan bilangan kerusinya kepada 22 kerusi DUN. Sokongan masyarakat Melayu terhadap PAS begitu baik dan konsisten sejak PRU tahun 1999. Dalam pilihan raya ke-14, BN hanya berjaya mengekalkan penguasaannya di hanya dua negeri di semenanjung iaitu Perlis dan Pahang selain turut berjaya kekal di Sarawak.

Pilihan raya tahun 2018 juga menyaksikan PAS tidak lagi menjadi sebahagian daripada parti komponen dalam Pakatan Harapan sebaliknya bertindak menjadi blok ketiga. Keputusan PRU ke-14 menyaksikan Pakatan Harapan berjaya membentuk kerajaan di lapan negeri dan juga persekutuan. Fenomena kebangkitan rakyat ini banyak dipengaruhi oleh kemunculan semula Mahathir dalam arena politik negara selain daripada beberapa skandal yang melibatkan kepimpinan BN. Walau bagaimanapun, fenomena kebangkitan rakyat terhadap Pakatan Rakyat tidak langsung terkesan di Terengganu. Meskipun Pakatan Harapan meletakkan calonnya di hampir kesemua kawasan DUN dan Parlimen namun calon Pakatan Harapan gagal untuk memenangi sebarang kerusi di negeri tersebut. Keputusan ini banyak didorong oleh faktor agama. Masyarakat Melayu Terengganu melihat, memberikan sokongan kepada Pakatan Harapan seolah-olah menggadaikan kesucian agama Islam dan Melayu. Kelantangan Siti Kassim yang sering mempersoalkan perkara berkaitan Islam serta tindak-tanduk DAP khususnya berkaitan penganjuran *October Fest* banyak mempengaruhi penolakan masyarakat Melayu Terengganu terhadap Pakatan Harapan. Masyarakat Terengganu juga berandaian bahawa mengundi Pakatan Harapan seolah-olah tiada bezanya dengan mengundi BN. Satu hakikat yang nyata ialah lebih 95 peratus daripada penduduk Terengganu adalah

terdiri daripada orang Melayu. Masyarakat Melayu Terengganu sangat taksud terhadap Islam. Setiap parti yang tidak memperjuangkan Islam dan kepentingan orang-orang Melayu tidak akan mendapat tempat di Terengganu.

Kesimpulan

Budaya politik di Malaysia telah mengalami transformasi sepanjang dua dekad yang terakhir meskipun berlaku dalam keadaan yang agak lambat dan perlahan. Transformasi ini juga telah membuka jalan kepada kemunculan budaya politik yang berbeza daripada sebelumnya. Perubahan budaya politik di Malaysia dikatakan bermula pada pasca PRU ke-10 iaitu pada tahun 1999. Landskap politik di Malaysia pasca PRU ke-10 menjadi lebih terbuka dan kompetitif apabila gabungan parti oposisi dilihat telah berupaya menyaingi kekuatan UMNO-BN. Selain itu pasca PRU ke-10 turut menyaksikan kewujudan sektor politik bukan formal yang melibatkan penyertaan rakyat dengan begitu aktif menerusi NGO dan juga gerakan reformasi. Sebelum PRU ke-10, penglibatan politik hanya didominasi oleh masyarakat desa dan juga petani, namun selepas PRU ke-10 masyarakat bandar dan industri mula aktif dalam perkara yang berhubungkait dengan persoalan kehidupan berpolitik. Politik Malaysia tidak lagi berkisarkan kepada pembangunan malahan telah berubah kepada suatu keadaan yang mementingkan nilai sejagat yang lebih universal. Pembangunan juga dinilai dalam erti kata yang lebih mendalam dan bermakna dan tidak lagi semberono.

Rujukan

- Abdul Latiff Mohd Ibrahim. (2004). *Budaya Politik Melayu Bandar: Kajian Kes Di Shah Alam: Tesis Ijazah Doktor Falsafah*. Fakulti Sastera & Sosial Sains: Universiti Malaya.
- Ahmad Atory Hussain. (2009). *Politik Melayu Di Persimpangan: Suatu Analisis Pilihan Raya Umum 2008*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Amer Saifude, Mohammad Redzuan & Zulkarnain Abdul Rahman. (2010). *Pengundi Muda dan Pilihan Raya Kecil Parlimen: Tumpuan Kepada Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh, Kuala Terengganu dan Bukit Gantang: Sarjana*, 25 (1), 34-55.
- Case, W., (2001). Malaysia's General Election in 1999: A Consolidated and High Quality Semi Democracy: *Asian Studies Review*, 2 (1), 35-55.
- Ghazali Mayuddin. (2008). *Hegemoni Dan Kontra Hegemoni: Memahami Perubahan Pilihan Raya Umum Ke-12*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Hamdan Aziz. (2015). *Pilihanraya Umum Terengganu 1955-2013*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu (UMT).
- Junaidi Awang Besar, & Mazlan Ali. (2016). *Kebangkitan PAS di Terengganu*. Dlm. In. Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (Eds.), *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1999.
- Mohd Mahadee & Ab. Bassit Husain. (2008). *Demokrasi Dalam Pilihan Raya Umum Ke-12: Satu Tinjauan Ke Atas Budaya Politik Masyarakat Melayu Kelantan*. hal 229-230.
- Mohammad Redzuan Othman. (2011). *Pilihan raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu 2009*. Universiti Malaya.
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud. (2016). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baru, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2014). *Saga Neokonservatif: Abdullah Ahmad Badawi, UMNO dan Konservatif*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Riduan Mohammad Nor. (2015). *Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang: Murabbi, Ideologue, Pemimpin*. Kuala Lumpur: JUNDI Resources.
- Syed Azman. (2013). *Isu-Isu Politik, Ekonomi & Kepimpinan: Terengganu Darul Runtuh*. Kuala Lumpur: Harakah.
- Tarmizi Mohd Jam. (1994). *Nafikan Tahun Sapu Bersih UMNO: Terengganu Milik Angkatan 1994*. Kuala Lumpur: Rangkaian Minda Publication.
- Wan Abdul Rahman Latiff. (1986). *Pilihan Raya 1986: Satu Kajian Kes di Terengganu*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Welsh, B., & Chin, U.J., (2014). *Bangkit: Tempoh Pentadbiran Abdullah Ahmad Badawi*. Petaling Jaya: SIRD Centre.
- Zulkifli Sulong. (1994). *Operasi Tawan Terengganu*. Batu Caves: Penerbitan Pemuda.